



GARIS PANDUAN DAN
TATACARA PELAKSANAAN

PROGRAM MOBILITI AKADEMIK PELAJAR

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

Versi 2/ 2015

PROGRAM MOBILITI AKADEMIK

1. TERMINOLOGI

Secara Umum

Mobiliti pelajar merupakan syarat penting dalam melahirkan pelajar yang dinamik dan fleksibel. Ini merupakan salah satu elemen dalam pencapaian pelajar dalam kemahiran insaniah dan menimba pengalaman bersama komuniti.

Program Mobiliti Akademik Berkredit atau Audit adalah suatu program yang melibatkan proses pembelajaran dan pengajaran akademik samada dalam bentuk *inbound* atau *outbound* dari / ke institusi atau organisasi yang diiktiraf di dalam atau luar Negara dalam tempoh satu atau dua semester (maksimum) pengajian.

INBOUND: Pelajar daripada institusi atau organisasi luar dan dalam Negara serta berdaftar di UTHM.

OUTBOUND: Pelajar UTHM dan berdaftar ke institusi atau organisasi luar dan dalam negara.

MOBILITI AKADEMIK BERKREDIT : Kursus akademik yang melibatkan perpindahan kredit dan diberikan kredit **KIRA**.

MOBILITI AKADEMIK AUDIT : Kursus akademik yang berstatus hadir sahaja (**HS**) / hadir wajib (**HW**) dan diberikan kredit **DAPAT**.

INSTITUSI / ORGANISASI: Mana-mana institusi pengajian tinggi awam (IPTA) / swasta (IPTS) atau lain-lain organisasi yang menawarkan program yang setara dan diiktiraf oleh Senat UTHM.

2. TUJUAN

Program Mobiliti Akademik ***inbound*** dan ***outbound*** memberikan peluang kepada pelajar menjalani aktiviti pembelajaran di institusi / organisasi Hos selain daripada istitusi / organisasi Induk. Pendedahan kepada persekitaran yang baru dapat memperluaskan interaksi sosial dan memperkayakan pengalaman pembelajaran mereka sehingga dapat melahirkan graduan yang berwibawa dan pemangkin kea rah kesejahteraan kepada bangsa dan negara.

3. TAFSIRAN

- 3.1 **Institusi / Organisasi Induk** – Institusi / organisasi asal di mana pelajar mendaftar program / kursus di peringkat Diploma, Sarjana Muda atau pun Ijazah Lanjutan.
- 3.2 **Institusi / Organisasi Hos** – Institusi / Organisasi penerima yang menerima pelajar dan berdaftar kursus yang setara di bawah program di peringkat Diploma, Sarjana Muda ataupun Ijazah Lanjutan.
- 3.3 **Perpindahan Kredit** – Bilangan kredit yang diperolehi oleh pelajar dari Institusi / Organisasi Hos setelah mengikuti kursus tertentu dalam tempoh pengajian yang dibenarkan oleh Institusi / Organisasi Hos dan Institusi / Organisasi Induk. Jumlah kredit yang diperolehi di Institusi / Organisasi Hos juga hendaklah diiktiraf sebagai memenuhi syarat-syarat keperluan program di Institusi / Organisasi Induk.

4. DASAR PERPINDAHAN KREDIT

- 4.1 Kursus yang diikuti di Institusi / Organisasi Hos hendaklah diperakui oleh Jawatankuasa Akademik Fakulti / Pusat Pengajian Institusi / Organisasi Induk sebagai setara dengan kursus dalam program yang sedang diikuti. Penetapan setara ditentukan oleh Institusi / Organisasi Induk. Ulasan Jawatankuasa Akademik Fakulti/Pusat Pengajian mengenai perkara ini hendaklah dimasukkan dalam borang permohonan perpindahan kredit pelajar berkenaan.

- 4.2 Kursus-kursus yang dibenarkan untuk perpindahan kredit ialah kursus di Institusi / Organisasi Hos yang mempunyai bilangan kredit yang sama atau lebih dengan kursus setara di Institusi / Organisasi Induk. Sekiranya kurang, beberapa kursus yang diperakukan oleh Jawatankuasa Akademik Fakulti/Pusat Pengajian Institusi / Organisasi Induk boleh digabungkan bagi mencapai tahap keperluan kredit program pengajian yang sedang diikuti.
- 4.3 Isi kandungan (silibus) kursus yang diikuti di Institusi / Organisasi hos hendaklah sekurang-kurangnya 80% dari isi kandungan (silibus) kursus di Institusi / Organisasi Induk
- 4.4 Markah minimum bagi setiap kursus yang boleh dipertimbangkan bagi tujuan perpindahan kredit ialah sekurang-kurangnya 50 markah dan ke atas tetapi Fakulti/Pusat Pengajian Institusi / Organisasi Induk boleh menetapkan markah minimum yang lebih tinggi tertakluk kepada kelulusan Senat Universiti.
- 4.5 Jumlah jam kredit bagi tujuan perpindahan kredit hendaklah tidak melebihi 30% daripada jumlah kredit lulus program pengajian yang sedang diikuti di Institusi / Organisasi Induk.
- 4.6 Gabungan jumlah kredit untuk tujuan perpindahan kredit dan pengecualian kredit sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan Akademik Bahagian V perkara 14 (1) hendaklah tidak melebihi 50% kredit lulus program.
- 4.7 Sepanjang tempoh pengajian, pelajar hanya dibenarkan mendaftar sekali sahaja di Institusi / Organisasi hos yang sama untuk tujuan perpindahan kredit.
- 4.8 Kredit dan markah yang diperolehi daripada program mobiliti akademik berkredit akan diambilkira dalam keperluan program pengajian di Institusi / Organisasi Induk bagi memenuhi syarat pengijazahan.
- 4.9 Kredit yang diperolehi daripada program mobiliti akademik audit Latihan Industri / Latihan Mengajar diambilkira dalam keperluan program pengajian di Institusi / Organisasi Induk bagi memenuhi syarat pengijazahan.
- 4.10 Lain-lain mobiliti akademik audit boleh diambilkira dalam keperluan program pengajian di Institusi / Organisasi Induk.

5. KAEDAH PELAKSANAAN

- 5.1 Pelajar UTHM (*outbound*) boleh memohon untuk mengikuti mana-mana kursus yang ditawarkan oleh Institusi / Organisasi Hos, tertakluk kepada kebenaran Dekan Fakulti / Pusat Pengajian Institusi / Organisasi Hos dan juga Institusi / Organisasi Induk. Permohonan hendaklah dikemukakan sekurang-kurangnya TIGA (3) bulan sebelum program dilaksanakan.
- 5.2 Pelajar UTHM (*outbound*) mengemukakan permohonan kepada Dekan Fakulti / Pusat Pengajian masing-masing dengan mengisi borang permohonan lengkap yang disediakan. *Sila rujuk carta alir seperti di Lampiran B.*
- 5.3 Pelajar tidak dibenarkan mengikuti program mobiliti akademik di semester akhir program pengajian KECUALI program Mobiliti Audit seperti program Latihan Industri / Latihan Mengajar / Projek PSM / Penyelidikan / Penggunaan kemudahan Makmal .
- 5.4 Jumlah semester pengajian pelajar yang diambil kira adalah tertakluk kepada jumlah semester lazim sahaja. Manakala bagi Semester pendek tidak termasuk dalam pengiraan semester.
- 5.5 Pelajar yang sedang mengikuti kursus di Institusi / Organisasi Hos tidak dibenarkan Tarik Diri (TD) atau menggugurkan kursus tersebut kecuali dengan persetujuan Dekan Fakulti / Pusat Pengajian Institusi / Organisasi Hos dan Institusi / Organisasi Induk.
- 5.6 Sekiranya pelajar diberhentikan atau gagal menyelesaikan kursus di Institusi / Organisasi Hos, pelajar dikehendaki membayar sebarang bentuk bantuan kewangan yang telah diberikan.
- 5.7 Pelajar yang mengikuti kursus di Institusi / Organisasi Hos adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan kursus yang ditetapkan oleh Institusi / Organisasi Hos berkenaan semasa dalam tempoh berkenaan.
- 5.8 Institusi / Organisasi Hos mempunyai hak sepenuhnya untuk membuat keputusan akhir untuk menerima atau menolak permohonan pelajar.
- 5.9 Setelah tamat program, Institusi / Organisasi Hos perlu mengemukakan surat pengesahan markah yang diperakukan oleh Dekan atau setaraf dengannya kepada Institusi / Organisasi Induk.

- 5.10 Markah perlu disahkan oleh Jawatankuasa Pemeriksa Fakulti, Jawatankuasa Akademik Fakulti, Jawatankuasa Pengajian dan dimaklumkan kepada Senat Institusi / Organisasi Induk.
- 5.11 Walaubagaimanapun, bagi tujuan perpindahan kredit, pelajar hendaklah memohon dengan melengkapkan borang permohonan perpindahan kredit (Lampiran B) dengan melampirkan salinan transkrip akademik rasmi daripada Institusi / Organisasi hos yang telah diperakui sah.

6.0 KELAYAKAN PELAJAR

Pelajar yang mengikuti program mobiliti akademik adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut:

- 6.1 Pelajar berdaftar yang sedang mengikuti program di peringkat Diploma, Sarjana Muda serta Ijazah Lanjutan secara sepenuh masa;
- 6.2 Bagi pelajar Diploma dan Sarjana Muda yang telah menyelesaikan sekurang-kurangnya satu semester pengajian manakala bagi pelajar Ijazah Lanjutan, pelajar boleh dipertimbangkan untuk mengikuti program ini pada semester pertama pengajian tertakluk kepada kebenaran dari Dekan Fakulti/Pusat;
- 6.3 Pelajar mempunyai pencapaian akademik yang baik dengan memperolehi **Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) semasa sekurang-kurangnya 2.75** bagi **program mobiliti dalam negara** dan **3.00 untuk program mobiliti luar negara**;
- 6.4 Pelajar tidak pernah dikenakan sebarang tindakan tatatertib semasa permohonan ini dikemukakan.

7.0 YURAN DAN KOS PENGAJIAN

Pelajar perlu membayar yuran pengajian yang ditetapkan kepada Institusi / Organisasi Induk atau Institusi / Organisasi Hos tertakluk kepada persetujuan di antara Institusi / Organisasi Hos dan Institusi / Organisasi Induk (Melalui MoU atau MoA)

8.0 PENGINAPAN

8.1 Penginapan asrama universiti boleh ditawarkan bergantung kepada kekosongan. Yuran penginapan akan dikenakan pada kadar yang ditetapkan oleh Institusi / Organisasi Hos.

8.2 Sekiranya tiada kekosongan, Institusi / Organisasi Hos boleh membantu pelajar untuk mendapatkan penginapan luar yang sesuai sepanjang tempoh program. Kos sewaan adalah ditanggung sepenuhnya oleh pelajar.

8.3 Yuran penginapan akan dikecualikan sekiranya terdapat sebarang perjanjian bertulis (MoU / MoA) di antara Institusi / Organisasi Hos dan Institusi / Organisasi Induk.

9.0 PERUBATAN

9.1 Pelajar antarabangsa dimestikan membuat pemeriksaan kesihatan di mana-mana hospital kerajaan atau Pusat Kesihatan Institusi / Organisasi Hos dan kos ditanggung sepenuhnya oleh pelajar.

9.2 Pelajar mobiliti akademik yang berdaftar akan diberikan segala kemudahan perubatan sebagai seorang pelajar sepertimana pelajar yang berdaftar sepenuh masa di Institusi / Organisasi Hos.

9.3 Pelajar juga dinasihatkan untuk mempunyai insuran perubatan untuk menampung sebarang kos perubatan sekiranya perlu dan kos ditanggung oleh pelajar.

10.0 PERKARA AM

10.1 Semua pelajar yang mengikuti kursus di Institusi / Organisasi Hos adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan semasa di Institusi / Organisasi Hos sepanjang tempoh kursus / program pelajar.

10.2 Institusi / Organisasi Hos berhak menamatkan tempoh program ke atas mana-mana pelajar yang didapati melanggar peraturan yang ditetapkan oleh Institusi / Organisasi Hos.

11.0 LAMPIRAN BORANG

11.1 Borang Permohonan Program Mobiliti Akademik

12.0 CARTA ALIR PROSES